



TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KANAN KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PEMBUKAAN JALAN

PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

BAGI *WORK PACKAGE CONTRACT 07* (SEKSYEN JULAU)

Bismillahirrahmannirrahim

SALUTASI

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Pembukaan Jalan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Bagi *Work Package Contract 07* (Seksyen Julau), pada hari ini.
2. Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kehadiran YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, kerana sudi turut sama menyempurnakan majlis perasmian pembukaan Seksyen Julau Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Biar pun sibuk dengan tugas-tugas seharian, YAB Datuk Patinggi Tan Sri Ketua Menteri, tetap sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada hari ini. Terima kasih sekali lagi YAB Ketua Menteri.
3. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

4. Teras Strategik Keenam di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bertujuan untuk memberi perhatian kepada menaik taraf infrastruktur sedia ada bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan fokus kepada keterangkuman wilayah, pembangunan mampan seiring pengagihan ekonomi adil, saksama dan inklusif untuk setiap ahli Keluarga Malaysia, sistem infrastruktur yang lebih baik pastinya akan merangsang aktiviti sosioekonomi penduduk setempat, sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat.

5. Selaras dengan hala tuju strategik RMKe-12 iaitu Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif, Mampan’ maka, Kerajaan sentiasa menggerakkan di dalam pembangunan infrastruktur rangkaian jalan raya yang terancang, sistematik dan efisien bagi meningkatkan kebolehcapaian rangkaian dan kesalinghubungan penduduk serta menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Hadirin sekalian,

6. Pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam menambah baik jaringan jalan raya sedia ada di Sarawak bermula dari Telok Melano hingga ke Miri yang dibahagikan kepada 11 pakej kerja. Ini termasuklah 1 pakej kerja iaitu pembinaan jalan baru dari Telok Melano ke Sematan yang telahpun siap dibina pada 6 Januari 2019. Selain itu pembinaan komponen antara lainnya seperti tiga (3) *Rest & Service Area (RSA)*, enam (6) *layby*, 25 persimpangan bertingkat (*interchanges*), 115 jambatan dan hentian bas pastinya dapat meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

7. Menyentuh berkenaan Seksyen Julau bagi *Work Package Contract 07* yang dilaksanakan oleh Hock Seng Lee – Dhaya Maju Infrastructure Asia JV, ia merupakan sebahagian daripada tiga (3) seksyen dari Persimpangan Bintangor ke Jambatan Sungai Kua sepanjang 75 km.

8. Skop pembinaan Seksyen Julau ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong dari Persimpangan Bintangor ke Persimpangan Julau sepanjang 28.5 km. Dengan siapnya pembinaan seksyen Julau

pada 28 Oktober 2021, penduduk sekitar boleh bergerak dengan lebih selesa dari bandar Sibu ke Pantu seterusnya ke Miri di mana geometri jalan telah ditambah baik dan jalan juga lebih lebar.

9. Menerusi penglibatan rakyat tempatan Sarawak di dalam projek ini sebagai perunding, *vendor*, pembekal mahu pun kontraktor, ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam kalangan anak tempatan Sarawak dapat dilahirkan dan secara tidak langsung memberi sumbangan kepada pembangunan Negeri Sarawak khususnya.

10. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak juga turut menjadi pemangkin kepada kemajuan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) untuk membolehkan Sarawak mencapai taraf negeri maju. Rancangan pembangunan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini juga adalah hasil perancangan yang rapi dan bersifat *holistik* antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP).

Hadirin sekalian,

11. Hasrat Kerajaan Persekutuan menerusi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini adalah untuk mengulangi kejayaan (*success story*) projek-projek lebuhraya di Semenanjung. Seperti yang kita sedia maklum, rangkaian jalan raya yang baik mampu melonjak potensi pertumbuhan dan impak transformasi pembangunan luar bandar.

12. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini juga bakal memperluaskan jaringan pengangkutan dan keterhubungan antara pekan serta daerah ke pusat pertumbuhan yang berpotensi seperti pelabuhan, kawasan perindustrian dan pusat-pusat komersial di sepanjang jajarannya. Jaringan jalan raya yang efisien adalah asas kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Sarawak.

13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya, Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Kerja Raya Sarawak di atas usaha untuk merancang dan melaksanakan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Sekian

Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.